



Pastikan Benar Bernama.com

MENU

BookDoc, MANSA meterai MoU tingkat kesedaran masalah pendengaran

Tarikh kemaskini: 18/05/2018

KUALA LUMPUR, 18 Mei (Bernama) – Bagi meningkatkan kesedaran mengenai masalah pendengaran dan menghubungkan orang ramai dengan pakar audiologi berkelayakan, Persatuan Audiologi Malaysia (MANSA) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan platform penjagaan kesihatan dalam talian, BookDoc.

BookDoc juga mempunyai Persatuan Fisioterapi Malaysia dan Persatuan Kiropraktik Malaysia yang bekerjasama dengannya dan mendapat manfaat daripada kehadiran syarikat itu di Malaysia, Singapura, Hong Kong, Thailand dan Indonesia.

Dalam satu kenyataan di sini, pengasas BookDoc, Datuk Chevy Beh berkata jalinan pakatan berkenaan akan membantu orang ramai mencari pakar audiologi yang sah.

"Kerjasama ini selaras dengan matlamat BookDoc untuk meningkatkan akses kepada penjagaan kesihatan di rantau ini. Orang ramai akan dapat mencari pengamal yang berkelayakan dalam bidang audiologi yang telah disahkan oleh MANSA," kata Beh.

"Kami gembira dapat bekerjasama dengan BookDoc, platform yang mencapai lebih dari setengah juta pengguna," kata Presiden MANSA Patrick Tan.

Beliau berkata artikel pendidikan tentang kehilangan pendengaran akan disediakan untuk membantu mereka yang mengalami masalah pendengaran.


Orang ramai, katanya, tidak menyedari terdapat agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan yang boleh memberi bantuan alat bantuan pendengaran, oleh itu pakar audiologi boleh membantu mereka dalam proses tersebut.

-BERNAMA

Berita Utama Terdahulu

- Anwar temui BJ Habibie di Jakarta
- Mohamed Azmin menghadap Sultan Selangor
- 'Spiral Bicycle dan Pedestrian Bridge' tarikan baharu Pulau Pinang
- Nasi beriani dalam buluh tampil kelainan
- Lima unit dorm STIAS di Rembau terbakar

▼ iklan



[Utama](#) | [Am](#) | [Politik](#) | [Ekonomi](#) | [Sukan](#) | [Rencana](#) | [Dunia](#) | [Arkib](#) | [Siaran Media Eksklusif](#) | [Suapan RSS](#) | [Laman Web Korporat](#) | [IMAGES](#)

© 2018 BERNAMA. Semua Hak Cipta Terpelihara. Penafian | Dasar Privasi | Dasar Keselamatan Bahan ini tidak boleh diulang terbit, ulang siar, tulis kembali atau diulang edar melainkan dengan kebenaran bertulis dari pihak BERNAMA.

Paparan terbaik menggunakan Firefox 58.0.1 (64-bit) & Chrome Version 63.0.3239.132 (Official Build) (64-bit) dalam resolusi 1920 x 1080 piksel

Hubungi kami : 03-2691 9955/03-2693 9933 (Am), 03-2050 4466 (Produk/Perkhidmatan) | E-mel : portal@bernama.com